

**PERSEMBAHAN RITUAL KAUL MELANAU
DAN HARI MOYANG MAH MERI :
MANIFESTASI KEPERCAYAAN
DAN KOSMOLOGI**

KALSUM BINTI UMAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PERSEMBAHAN RITUAL KAUL MELANAU
DAN HARI MOYANG MAH MERI :
MANIFESTASI KEPERCAYAAN
DAN KOSMOLOGI**

oleh

KALSUM BINTI UMAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2018

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Ogos 2018

**Kalsum Binti Umar
P-SED0023/11 (R)**

DEDIKASI KHAS

Untuk Mengenang Sebuah Cinta, Kasih Sayang dan Impian Tak Ternilai

Al-Fatihah

Untuk

Al-Marhumah Bonda Hajah Sulong Bt Haji Joni

dan

Al-Marhum Ayahanda Haji Umar B. Haji Said

PENGHARGAAN

Bismillah...

Dengan Nama Allah...saya merakatkan setinggi rasa kesyukuran kepada Maha Pencipta, Allah SWT yang empunya ilmu tanpa batasan, atas siapnya sebuah kajian tentang masyarakat peribumi dan tentang warisan bangsa yang mesti diketahui, difahami serta dihormati oleh sekalian masyarakat di negara kita terutama anak-anak generasi baru.

Ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih kepada Penyelia tesis yang saya hormati, Prof. Madya Dr. Mohd Kipli B. Abdul Rahman yang sudi mengajar, memberikan semangat serta memberikan rasa keyakinan yang tinggi dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini. Saya juga mengucapkan terima kasih atas kepercayaan Dr. kepada saya menyerahkan tesis ini untuk dinilai. Segala nasihat, tunjuk ajar dan juga kepercayaan tersebut cukup dihargai sepanjang Dr. menjadi penyelia saya. Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada pelbagai pihak yang membantu sepanjang proses penyelidikan ini berlangsung terutama para informan daripada masyarakat Melanau Mukah, Orang Asli Mah Meri Pulau Carey, Penterjemah Bahasa Melanau dan Mah Meri, Pegawai-pegawai dari JAKOA (Ibu Pejabat dan Kuala Langat) Pejabat Residen Mukah dan Kuching, Pegawai Muzium Orang Asli dan Muzium Negeri Sarawak, Pegawai di Majlis Daerah Mukah, kakitangan di Pusat Pengajian Seni USM Pulau Pinang, dan pegawai-pegawai serta pembantu pegawai di kesemua tempat yang membantu sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan kasih mesra setingginya juga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga tercinta, pertama sekali kepada suami yang banyak bersabar dan memahami sepanjang proses penyelidikan serta penulisan berlangsung, saudara-saudara kandung yang sentiasa memberikan semangat untuk terus berjuang, ibu mertua, Usu di Mukah serta anak-anak, rakan sahabat seperjuangan, anak-anak didik yang selalu menitipkan doa serta semangat yang tidak berhenti-henti sepanjang tahun-tahun perjuangan selain banyak membantu dalam proses penyelidikan (Terima kasih Khas! Firdaus Ohm, Faris Mahusin, Noraini Cicero, Sangkari, Ikmal, Wajdi kerana bantuan anda semua). Terima kasih untuk anda semua!

Mudah-mudahan kajian ini akan menjadi perintis kepada kelangsungan budaya dan warisan nasional agar ia tidak terus dilupakan sepanjang hayat masyarakat yang ada di bumi bertuah ini!

Kalsum Binti Umar
Pusat Pengajian Seni (PPS)
13 Ogos 2018
1 Zulhijjah 1439

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Peta	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Gambar	xiii
Senarai Singkatan	xv
Senarai Simbol	xvi
Abstrak	xvii
Abstract	xix

BAB 1 - KERANGKA KAJIAN : PENDEKATAN AWAL MASYARAKAT MELANAU DAN ORANG ASLI MAH MERI

1.1 Orang Melanau dan Mah Meri : Suatu Pengenalan Ringkas	1
1.2 Isu, Permasalahan dan Persoalan Kajian	8
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Justifikasi, Jurang Pengetahuan dan Kepentingan Kajian	12
1.5 Skop Kajian	19
1.6 Soroton Literatur	21
1.6.1 Masyarakat Melanau dan Ritual Kaul	22
1.6.2 Masyarakat Orang Asli Mah Meri dan Ritual Hari Moyang	25
1.6.3 Kosmos, Kosmologi, Ritual dan Animisme	27
1.6.4 Seni dan Seni Persembahan	30
1.7 Metodologi Kajian	31
1.7.1 Reka Bentuk Kajian	34
1.7.2 Tinjauan Awal (Pilot Survey)	35
1.7.3 Penglibatan dan Pemerhatian	36
1.7.4 Temubual	37
1.7.5 Analisis Kajian	39
1.8 Jangkaan Hasil Kajian	42

BAB 2 - KONSEPTUAL DAN TEORITIKAL : APLIKASI DALAM KAJIAN

2.1 Konsep Animisme	45
2.2 Ritual : Konsep, Bentuk dan Fungsi Dalam Masyarakat	57
2.2.1 Ciri-ciri dan Penentuan Sifat Sebagai Suatu Ritual : Suatu Penelitian Umum	69
2.2.2 Falsafah Ritual Dalam Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	74
2.3 Kerangka Teori Dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	82
2.3.1 Konsep dan Teori Kosmologi	82
2.3.1(a) Masa, Ruang dan Gerak Dalam Teori Kosmologi	95
2.3.1(b) Alam Semesta, Manusia dan Hubungannya Dalam Teori Kosmologi	98
2.3.1(b)(i) Langit	98
2.3.1(b)(ii) Manusia dan Hubungannya Dengan Alam	102
2.3.1(c) Tiga Kumpulan Alam Tabii Dalam Teori Kosmologi	106
2.3.1(d) Mikrokosmos dan Hubungannya Dengan Alam Semesta Dalam Teori Kosmologi	111
2.3.2 Teori Orientasi Nilai Kluckhons dan Strodbeck (K&S)	115
2.3.3 Teori Persembahan Victor Turner dan Richard Schechner	124
2.3.4 Melihat Ritual Yang Boleh Diaplikasi Dalam Bentuk Persembahan Dari Sudut Penstrukturan	133

BAB 3 - KEPERCAYAAN DAN KOSMOLOGI MASYARAKAT MELANAU : PENDEKATAN MELALUI RITUAL KAUL

3.1 Kepercayaan Masyarakat Melanau	139
3.1.1 Pandangan Dunia Melanau Dalam Aspek Kepercayaan, Kosmos dan Semangat	142
3.2 Pembahagian Lapisan Alam Sebagai Punca Pemetaan Kosmologi Masyarakat Melanau	149
3.3 Struktur, Fungsi dan Tujuan Ritual Kaul	157
3.3.1 Falsafah Hierarki Dewa Ipok Dalam Masyarakat Melanau	157
3.3.2 Asal Usul Ritual Kaul Melanau	160

3.3.3 Struktur Sakral Ritual Kaul Melanau	165
3.3.3(a) Serahang : Mengakan Ipok	166
3.3.3(b) Pantang Larang sebelum, Semasa dan Selepas Ritual Kaul Melanau	170
3.3.3(c) Sajian Ipok dalam Ritual Kaul Melanau	173
3.3.3(d) Proses Menyambut Ipok ; Ruang-Masa, Persembahan Muzik, Silat dan Bapak Kaul	178
3.3.3(d)(i) Ruang – Masa Dalam Ritual Kaul Melanau	178
3.3.3(d)(ii) Persembahan Muzik dan Silat Dalam Ritual Kaul Melanau	184
3.3.3(d)(iii) Bapak Kaul Sebagai Pengantara Hasrat Anggota	189

**BAB 4 - KEPERCAYAAN DAN KOSMOLOGI MASYARAKAT ORANG
ASLI MAH MERI : PENDEKATAN MELALUI RITUAL HARI
MOYANG**

4.1 Kepercayaan dan Kosmologi Masyarakat Orang Asli Secara Umum	198
4.1.1 Inspirasi Mimpi Masyarakat Orang Asli	198
4.1.2 Kepercayaan, Kosmos dan Semangat Dalam Masyarakat Orang Asli : Satu Tinjauan Umum	202
4.2 Kosmologi Masyarakat Orang Asli Mah Meri	207
4.2.1 Semangat Moyang Mah Meri	208
4.2.2 Bunga Moyang dan Perkaitan Dengan Roh Moyang	214
4.2.2(a) Lipatan Bunga Jambak atau Subang	215
4.2.2(b) Lipatan Bentuk Gomba (Ikan Lumba-lumba)	216
4.2.2(c) Bunga Bintang	217
4.2.2(d) Lipatan Haiwan : Burung (Tfip)	219
4.2.2(e) Etiaiu (Burung Layang-layang)	220
4.3 Asal dan Tujuan Ritual Hari Moyang Mah Meri	221
4.4 Struktur dan Fungsi Sakral Ritual Hari Moyang Mah Meri	227
4.4.1 Sanggar (Pan'ga) Malaikat dan Sajian Untuk Roh Arwah Sebelum Ritual Hari Moyang Mah Meri	228
4.4.1(a) Pilihan Sajian Sanggar (Pan'ga) Malaikat	230

4.4.2 Sajian Moyang Dalam Ritual Hari Moyang Mah Meri	232
4.4.3 Pantang Larang Dalam Ritual Hari Moyang Mah Meri	240
4.4.4 Proses Menyambut Moyang: Ruang-Masa, Tarian dan Lagu Serta Interaksi Personal Poyang	245
4.4.4(a) Ruang-Masa: Persediaan dan Fungsi	245
4.4.4(b) Tarian, Muzik dan Lagu: Penzahiran Ritual Hari Moyang Mah Meri	249
4.4.4(c) Poyang Sebagai Pengantara Hasrat Anggota	252

**BAB 5 - RITUAL KAUL MELANAU DAN HARI MOYANG MAH MERI :
SUATU ANALISIS PERBANDINGAN NILAI STRUKTURAL,
KEPERCAYAAN DAN KOSMOLOGI**

5.1 Perbandingan Nilai Secara Ringkas	257
5.2 Teori Orientasi Nilai Kluckhon dan Strodbeck (K&S) Dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	261
5.3 Analisis Umum Kepercayaan Masyarakat Melanau dan Mah Meri : Suatu Pendekatan Animisme Dalam Ritual Kaul dan Hari Moyang	268
5.4 Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri : Suatu Analisis Struktural	275
5.4.1 Pertembungan Ciri Sakral Dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	275
5.4.2 Pertembungan Struktural Sambutan	293
5.4.2(a) Bapak Kaul dan Bomoh Poyang : Pengantara Dunia Realiti dan Metafizik	293
5.4.2(b) Pantang Larang Dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri: Kemestian dan Nilai Kepercayaan	300
5.4.2(c) Serahang, Pan'ga Malaikat dan Rumah Moyang : Fungsi dan Falsafah Serta Perkaitannya Dengan Manifestasi Sajian Tuhan Ipok dan Roh Moyang	309
5.4.2(d) Mantera dan Puja Doa: Proses Memanggil dan Meminta Dalam Ritual Kaul dan Hari Moyang	325
5.4.2(e) Falsafah Ruang-Masa Dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	331

5.5 Struktur dan Falsafah Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri Dalam Gambaran Gambarajah Venn (GV)	338
BAB 6 - RITUAL KAUL MELANAU DAN HARI MOYANG MAH MERI: SUATU PENAAKULAN SENI PERSEMBAHAN	
6.1 Seni Persembahan dan Teori : Suatu Penjelasan	357
6.1.1 Seni Persembahan Secara Umum	357
6.1.2 Ritual Sebagai Suatu Seni Persembahan : Victor Turner	366
6.1.3 Richard Schechner dan Teori Persembahan	370
6.2 Ciri-ciri Seni Persembahan Dalam Ritual Hari Moyang dan Kaul Melanau	373
6.2.1 Tarian Jo'oh, Kostum dan Topeng, Alatan Muzik Serta Lagu Dalam Persembahan Ritual Hari Moyang Mah Meri	373
6.2.2 Silat Kuntau, Mengalai, Kostum dan Pedang, Alatan Muzik Serta Lagu Dalam Persembahan Ritual Kaul Melanau	395
6.3 Hubungan Ciri dan Fungsi Ritual Dalam Penaakulan Sebagai Seni Persembahan	401
BAB 7 - KESIMPULAN	406
BIBLIOGRAFI	414
GLOSARI	426
LAMPIRAN	

SENARAI PETA

		Halaman
Peta 1.1	Bahagian Ke 11 Mukah yang terletak berhampiran dengan Bahagian Sibul, Sarikei dan Bintulu	2
Peta 1.2	Kedudukan Pulau Carey di Daerah Kuala Langat Sebagai Kawasan Petempatan Suku Kaum Orang Asli Mah Meri	6

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Cabang-cabang Animisme dan Konsepnya	34
Jadual 2.2	Keadaan Jasad Manusia Sebagai Mikrokosmik Ditamsilkan Dengan Makrokosmik	112
Jadual 2.3	Pertanyaan Asas Orientasi Nilai K&S Dengan Refleksi Jawapan Berasaskan RKM dan HMMM	120
Jadual 2.4	Ciri Persembahan Dalam Ritual RKM dan HMMM	137
Jadual 4.1	Pembahagian Moyang dan Sub- Moyang MOAMM	214
Jadual 5.1	Perbandingan Kosmos Melanau dan Mah Meri Melalui Ritual	286
Jadual 6.1	Perbezaan Ditunjukkan Oleh Richard Schechner Antara Hiburan dan Ritual	371

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Tiga Pendekatan Kepercayaan Tergolong Dalam Agama Pagan	49
Rajah 2.2	Bulatan Yang Menggambarkan Ciri, Skala serta Fungsi Ritual	81
Rajah 2.3	Pengkategorian Seni Persembahan Richard Schechner Melalui Konstruk Kipas	136
Rajah 3.1	Aspek Kajian Kosmologi Yang Mempengaruhi Perbezaan Maksud Ritual	149
Rajah 3.2	Pandangan Dunia Melanau Terhadap Lapisan Alam	152
Rajah 3.3	Tiga Bentuk Asas Lapisan Alam Masyarakat Melanau	153
Rajah 3.4	Lima Belas Bentuk Lapisan Alam Hasil Pembahagian Daripada Lapisan Asas Alam Masyarakat Melanau	156
Rajah 3.5	Hierarki Tuhan Ipok Masyarakat Melanau	160
Rajah 4.1	Tujuh Lapisan Alam MOAMM	208
Rajah 4.2	Persaudaraan Moyang Yang Menunjukkan Status, Panggilan dan Kedudukan	211
Rajah 4.3	Kedudukan Moyang Dalam Hubungan Persaudaraan	212
Rajah 5.1	Paksi X dan Y Sebagai Kehidupan Masyarakat Melanau dan MOAMM Berasaskan Ritual dan Kepercayaan	263
Rajah 5.2	Kod Interaksi Pengantara Bapak Kaul dan Poyang	293
Rajah 5.3	Persamaan dan Perbezaan Dalam Pantang Larang Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri	306
Rajah 5.4	Bulatan Set Pelengkap A'	339
Rajah 5.5	Bulatan Set Kesatuan (U)	340
Rajah 5.6	Bulatan Set Persilangan (Ω)	343

Rajah 5.7	Bulatan Set Perbezaan (A-B)	355
Rajah 6.1	Pola Pergerakan Lantai Pertama Tarian Jo'oh	374
Rajah 6.2	Pola Lantai Dua Tarian Jo'oh	375
Rajah 6.3	Pola Lantai Tiga Tarian Jo'oh	375
Rajah 6.4	Pola Lantai Empat Tarian Jo'oh	376
Rajah 6.5	Pola Lantai Lima Tarian Jo'oh	376
Rajah 6.6	Pola Lantai Enam Tarian Jo'oh	377
Rajah 6.7	Pola Lantai Tujuh Tarian Jo'oh	377
Rajah 6.8	Pola Lantai Lapan Tarian Jo'oh	378
Rajah 6.9	Pola Lantai Sembilan Tarian Jo'oh	378
Rajah 6.10	Pola Lantai Sepuluh Tarian Jo'oh	378
Rajah 6.11	Pola Lantai Sebelas Tarian Jo'oh	379
Rajah 6.12	Pola Lantai Dua Belas Tarian Jo'oh	379
Rajah 6.13	Pola Lantai Tiga Belas Tarian Jo'oh	380
Rajah 6.14	Pola Lantai Empat Belas Tarian Jo'oh	380
Rajah 6.15	Pola Lantai Lima Belas Tarian Jo'oh	381
Rajah 6.16	Pola Lantai Enam Belas Tarian Jo'oh	381
Rajah 6.17	Pola Lantai Tujuh Belas Tarian Jo'oh	381
Rajah 6.18	Pola Lantai Lapan Belas Tarian Jo'oh	382
Rajah 6.19	Pola Lantai Sembilan Belas Tarian Jo'oh	382
Rajah 6.20	Pola Lantai Dua Puluh Tarian Jo'oh	383
Rajah 6.21	Pola Lantai Dua Puluh Satu Tarian Jo'oh	384
Rajah 6.22	Pola Lantai Dua Puluh Dua Tarian Jo'oh	384
Rajah 6.23	Pola Lantai Dua Puluh Tiga Tarian Jo'oh	384
Rajah 6.24	Pola Lantai Dua Puluh Empat Tarian Jo'oh	385

Rajah 6.25	Pola Lantai Dua Puluh Lima Tarian Jo'oh	385
Rajah 6.26	Pola Lantai Dua Puluh Enam Tarian Jo'oh	385
Rajah 6.27	Pola Lantai Dua Puluh Tujuh Tarian Jo'oh	386
Rajah 6.28	Pola Lantai Satu Silat Mengalai Melanau	396
Rajah 6.29	Pola Lantai Dua Silat Mengalai Melanau	396
Rajah 6.30	Pola Lantai Tiga Silat Mengalai Melanau	396
Rajah 6.31	Pola Lantai Empat Silat Mengalai Melanau	397
Rajah 6.32	Pola Lantai Lima Silat Mengalai Melanau	397
Rajah 6.33	Pola Lantai Enam Silat Mengalai Melanau	398

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1 Serahang Diarak Ke Tapak Kaul	170
Gambar 3.2 Sajian Untuk Dewa Ipok Ketika Kaul	174
Gambar 3.3 Belen	175
Gambar 3.4 Rokok Apong	175
Gambar 3.5 Makanan Tradisional Ketika Perayaan Kaul	176
Gambar 3.6 Tempat Kaul diadakan di Muara Sungai	181
Gambar 3.7 Persembahan Silat Mengaloi dalam Perayaan Kaul	187
Gambar 3.8 Lelaki Bertopeng dalam Perayaan Kaul	187
Gambar 3.9 Pemuzik Wanita Memainkan Alat Muzik dan Lagu Dalam Perayaan Kaul	189
Gambar 3.10 Bapak Kaul	191
Gambar 3.11 Bapak Kaul Membaca Mantera Sambil Menabur Beras Kunyit	192
Gambar 4.1 Lipatan Bunga Moyang Bunga Jambak / Subang	216
Gambar 4.2 Lipatan Bunga Moyang Gomba (Ikan Lumba-lumba)	217
Gambar 4.3 Lipatan Bunga Moyang Bunga Bintang	218
Gambar 4.4 Penggunaan Bunga Bintang dan Bunga Jerih Pada Pakaian Orang Asli Mah Meri	219
Gambar 4.5 Lipatan Bunga Moyang Burung Tfip	220
Gambar 4.6 Lipatan Bunga Moyang Burung Ettiau	221
Gambar 4.7 Sajian Untuk Sanggar (Pan'ga) Malaikat	228
Gambar 4.8 Rokok Daun Nipah Untuk Sajian Moyang	233

Gambar 4.9	Bertih dan Beras Kunyit	234
Gambar 4.10	Kemenyan Dalam Pasu Keramik	235
Gambar 4.11	Sirih dan Pinang	236
Gambar 4.12	Bancuhan Tepung Beras	236
Gambar 4.13	Air Bunga Untuk Berkat Moyang	237
Gambar 4.14	Antara Sajian Untuk Moyang	239
Gambar 4.15	Antara Sajian Untuk Moyang	239
Gambar 4.16	Pergerakan Asas Tarian Jo'oh	252
Gambar 4.17	Tok Jenang Menyapu Bancuhan Tepung Kepada Orang Datang	253
Gambar 5.1	Serahang dan Tujuh Batang Lilin Dipacak Keliling Serahang	315
Gambar 5.2	Sanggar (Pan'ga) Malaikat	351
Gambar 6.1	Pola Pertama Tarian Jo'oh	387
Gambar 6.2	Kostum Wanita Mah Meri Daripada Pokok Terap	388
Gambar 6.3	Penari Menggunakan Topeng Moyang Bojos	389
Gambar 6.4	Pemuzik Wanita Mah Meri	392
Gambar 6.5	Pergerakan Silat Kuntau	395
Gambar 6.6	Kostum Wanita Melanau	399

SENARAI SINGKATAN

Sg.	Sungai
Kg.	Kampung
En.	Encik
Pn.	Puan
RMK 9	Rancangan Malaysia Ke-9
RMK 11	Rancangan Malaysia Ke- 11
JAKOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
RKM	Ritual Kaul Melanau
HMMM	Hari Moyang Mah Meri
OAMM	Orang Asli Mah Meri
K&S	Kluckhons and Strodbeck
GV	Gambarajah Venn

SENARAI SIMBOL

A'	Simbol Set Pelengkap
U	Simbol Set Kesatuan
\cap	Simbol Set Persilangan
$A-B$	Simbol Set Perbezaan

**PERSEMBAHAN RITUAL KAUL MELANAU DAN HARI MOYANG
MAH MERI : MANIFESTASI KEPERCAYAAN DAN KOSMOLOGI**

ABSTRAK

Kajian ini menyingkap manifestasi kepercayaan dan kosmologi dalam kalangan masyarakat peribumi Melanau di Mukah Sarawak dan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey Selangor. Kepercayaan dan manifestasi kosmologi dalam persembahan ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri dalam kajian ini ditafsir dari sudut struktur ritual kedua-dua persembahan tersebut. Kepercayaan dan kosmologi dianalisis hasil daripada tafsiran berkenaan dan dilihat dari sudut yang sama dan berbeza. Masyarakat Melanau Pagan (tradisional) mempersembahkan suatu ritual dipanggil Kaul, iaitu satu upacara memanggil Ipok (dewa) turun, untuk mengucapkan terima kasih atas pemberian rahmat dan pertolongan dalam kehidupan mereka. Atas alasan yang sama, Moyang juga dipanggil turun oleh masyarakat Orang Asli Mah Meri. Kebetulan persamaan tujuan ini merupakan titik tolak kajian ini ditelusuri. Nilai sama dan beza yang terdapat pada kedua-dua ritual dari sudut manifestasi kosmologi dan kepercayaan dianalisis berdasarkan empat unsur kosmos utama iaitu api, air, tanah dan angin (udara). Unsur-unsur kosmos ini dimanifestasikan dalam struktur seperti sajian, pantang-larang, mantera, Bomoh Poyang dan Bapak Kaul, serta ruang dan masa ritual dipersembahkan. Sementara itu, struktur tersebut juga ditaakul sebagai seni persembahan dan ia membuktikan serta menegaskan bahawa kedua-dua ritual ini bukan sahaja berfungsi sebagai satu ritual kepercayaan, namun ia juga boleh dilihat sebagai satu persembahan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan mengambil data premier melalui temubual tidak berstruktur dan semi struktur, penyertaan dan pemerhatian di

lapangan serta dibantu dengan hasil data sekunder. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi perintis kepada kajian lain dalam masyarakat peribumi sebagai usaha untuk mengangkat kepelbagaian budaya dan warisan masyarakat peribumi di Malaysia.

**THE RITUAL PERFORMANCES OF KAUL MELANAU AND MAH MERI
ANCESTORS DAY : MANIFESTATIONS OF BELIEF AND COSMOLOGY**

ABSTRACT

This study reveals the manifestations of belief and cosmology amongst the Melanau natives in Mukah, Sarawak and Mah Meri indigenous people in Carey Island, Selangor. The beliefs and cosmological manifestations in the ritual ceremony of Kaul Melanau and Mah Meri Ancestors Day are interpreted in this study from the point of the ritualistic structure of the two ceremonies. The beliefs and cosmology are analysed based on both the similar and different points of view. The traditional society of the Melanau Pagan performs a ritual called Kaul, a prayer to the 'Ipok' (Spirits) to thank for the blessings and assistance provided in their life. The Mah Meri indigenous people also call upon their Moyang for the same reason. Coincidentally this study begins with the similarity in their aims. The similar and different values found in both rituals from the point of cosmology and belief manifestations are analysed based on the four elements of fire, water, earth and air. These cosmological elements are manifested in the ritualistic offerings of food, taboos, incantation, Bomoh Poyang and Bapak Kaul, as well as time and space. The above structure is also considered as performing arts which proves and emphasizes that both rituals function not only as beliefs but also as a ceremony. This study undertakes the qualitative approach taking into consideration the primary data derived from structured and semi-structured interviews, participation and observation, assisted by the secondary data. The findings of this study would be helpful to further explore other studies about indigenous communities in Malaysia as an effort to uplift the various cultures and heritages.

BAB SATU
KERANGKA KAJIAN:
PENDEKATAN AWAL MASYARAKAT MELANAU DAN
ORANG ASLI MAH MERI

1.1 Orang Melanau dan Mah Meri : Suatu Pengenalan Ringkas

Masyarakat Melanau adalah salah satu etnik peribumi yang terdapat di negeri Sarawak. Mereka menetap di sepanjang jajaran persisiran Sg. Rajang di bahagian tengah negeri Sarawak seperti Igan, Oya, Mukah, Dalat dan Bintulu. Mukah adalah bahagian yang terbesar yang mempunyai penduduk berketurunan Melanau. Bukan itu sahaja, malah Mukah boleh dikatakan sebagai pusat peradaban perkembangan ketamadunan masyarakat Melanau di Sarawak. Mereka masing-masing bertutur dalam bahasa Melanau yang mungkin terdapat sedikit perbezaan mengikut tempat mereka menetap.

Mukah merupakan bahagian ke 11 Sarawak yang diberi pengiktirafan sebagai bahagian baru pada tahun 2002. Sebelumnya, bahagian Mukah diletakkan di bawah pentadbiran bahagian ketiga iaitu Sibul. Namun, sejajar dengan perkembangan daerah ini, maka pada 1 Mac 2002, bersempena dengan penempadanan semula bahagian dan daerah di negeri Sarawak, ia telah diangkat sebagai satu lagi bahagian baru di Sarawak. Sebahagian daripada kawasan selatan Daerah Mukah dan Daerah Kecil Balingian telah dibahagikan kepada daerah baru Selangau. Kawasan asal Daerah Mukah ialah seluas 5,020 km persegi manakala keluasan baru selepas penempadanan semula seluas 2,536 km persegi. Daerah kecil Balingian pula dikurangkan saiz dari 3,032 km persegi kepada 1,170 km persegi.¹

¹ Dipetik dan diubahsuai daripada laman web rasmi Daerah Mukah 2012; <http://www.mukahdo.sarawak.gov.my/modules/web/index.php> dan temubual Pn Nolin Gendang 2012

Bahagian Mukah terletak di kawasan tengah Sarawak tetapi berhampiran dengan kawasan pesisiran pantai mengadap Laut China Selatan. Di bahagian timurnya bersempadanan dengan daerah Tatau di Bintulu dan selatannya pula ialah daerah Selangau di bahagian Sibü. Kawasan daratnya pula mempunyai kawasan tanah pamah dan gambut yang sesuai untuk bertanam dan pertanian. Kawasan tanah gambut berpaya juga menyebabkan tanaman rumbia hidup dengan subur dan menjadi asas ekonomi dan sumber makanan masyarakat tersebut. Kuala Batang Mukah bersambungan dengan laut dan menjadi tempat alir keluar masuk kapal dan perahu nelayan yang pergi ke laut mencari rezeki dan balik dengan pulangan laut. Ia dikatakan memudahkan urusan perikanan masyarakat Melanau. Selain itu, ia juga menjadi pintu keluar masuk kapal-kapal tangki minyak yang hendak dihantar ke Mukah. (Dzulfawati, 2006)



Peta 1.1 Bahagian ke 11 Mukah yang terletak berhampiran dengan bahagian Sibü, Sarikei dan Bintulu

(Sumber: www.welt-atlas.de)

Terdapat banyak pendapat yang mengatakan asal usul masyarakat Melanau. Antaranya adalah Leach (dalam Jeniri, 2015) mengkategorikan masyarakat Melanau ini sebagai kelompok *Para-Malay*. Beliau membahagikan masyarakat Melanau kepada dua kelompok besar iaitu orang Segan (Melanau-Bintulu) dan orang Likow (Melanau Mukah-Oya). Namun demikian, pendapat Leach agak diragui

memandangkan kelompok *Para Malay* jika mengikut batas bahasa terdiri daripada masyarakat bertutur dalam kawasan seperti Sumatera, seperti Minangkabau, Palembang dan Negeri Sembilan di Semenanjung Tanah Melayu. Sementara itu, masyarakat Melanau mendiami kawasan pesisiran pantai tengah Sarawak dan bertutur dalam klasifikasi bahasa Malayo-Polinesian atau Melanau-Kajang yang tergolong dalam bahasa Melanau Sentral².

Masyarakat Melanau Pagan sebelum kedatangan Islam dan Kristian dikenali sebagai masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme. Hari ini masyarakat Melanau sebahagian besarnya telah menganut agama Islam dan ada juga yang beragama Kristian. Walau bagaimanapun, masih ada lagi segelintir yang tetap mengamalkan kepercayaan animisme tersebut.

Masyarakat Melanau Pagan suatu ketika dahulu yang mempercayai Dewa Ipok³ telah mengamalkan satu persembahan ritual besar yang disambut secara meriah pada bulan Mac yang disebut Perayaan Kaul⁴. Ia dilihat berdasarkan *Bulan Pengejin*⁵ di dalam kalendar Melanau.

Dalam sambutan ritual ini, masyarakat Melanau telah menjamu Dewa Ipok yang dipercayai mengawal laut dan tempat lain di muka bumi. Ia adalah petanda

² Taburan kawasan kediaman orang Melanau di sepanjang Delta Sg Rajang terdiri daripada kawasan Sentral iaitu Mukah, Oya, Igan, Dalat dan Balingian sementara terdapat kawasan pesisiran dipanggil Melanau Matu-Daro dan Melanau yang mendiami daerah pesisiran Sungai Kemena hingga Tatau di Bintulu dipanggil Melanau Vaie (Melano Bai'e) Temubual bersama Pemanca Melanau Vaie Bintulu, Tn Rosli Bin Kamarudin, Oktober 2014.

³ Ada yang memanggil sebagai "eepukk" yang menandakan ia sebagai panggilan yang betul merujuk kepada maksud Dewa.

⁴ Selepas ini disebut sebagai Ritual Kaul.

⁵ Bulan Pengejin biasanya bulan Mac. Susunan bulan dalam kalendar Melanau dilihat mengikut susunan Pengesiseng(Februari), Pengejin(Mac), Pengalawah Ayeng(April), Pengalawah Unit(Mei), Pangalapa(Jun), Paka Nyat(Julai), Paka Umit(Ogos), Pegalan(September), Suah(Oktober), Pidai(November), Penangerah(Disember), dan Pemalei(Januari). Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab komersil, Kaul hari ini juga dijalankan atau disambut pada bulan April(Pengalawah Ayeng). Sambutan pada bulan April ialah sambutan yang telah diletakkan di dalam kalendar pelancongan negeri Sarawak setiap tahun.

kesyukuran kepada Dewa Ipok kerana telah memberi rezeki yang murah dan memohon supaya dilindungi ketika berada di laut semasa menangkap hasil laut setelah berlalunya musim *landas* (tengkujuh). Selain itu ia juga bertujuan untuk memohon supaya tangkapannya memuaskannya di samping mengelakkan penyakit atau wabak terhadap seluruh masyarakatnya.

Amalan animisme dan juga kepercayaan terhadap unsur kosmos itu merupakan kepercayaan yang menjadi pegangan masyarakat Melanau Pagan suatu ketika dahulu. Namun sejajar dengan perkembangan zaman, kebanyakan daripada amalan-amalan animisme hampir terpinggir sebagai upacara persembahan yang mencerminkan pemikiran dan kepercayaan masyarakat itu. Pengaruh yang dikatakan paling besar dan memberi impak perubahan tersebut adalah kedatangan dan penerimaan agama daripada masyarakat berkenaan. Agama Islam telah merubah dan menolak perkara-perkara yang menyeleweng akidah. Hal ini kerana ajaran agama Islam menolak daripada mempercayai kuasa-kuasa lain selain daripada kuasa Allah SWT.

Oleh sebab perlakuan budaya di dalam upacara Ritual Kaul ini mempunyai unsur-unsur yang dikatakan tersimpang daripada akidah dan tauhid Islam, maka masyarakat Melanau yang sudah memeluk Islam sedikit demi sedikit telah mula meninggalkan upacara berkenaan. Mereka mula menjalani kehidupan berlandaskan fahaman agama Islam itu sendiri. Begitu juga halnya dengan keadaan apabila masyarakat Melanau memeluk agama Kristian. Mereka juga mula meninggalkan upacara-upacara animisme dan kepercayaan tersebut serta menjalani kehidupan berdasarkan fahaman agama berkenaan.

Sementara itu, masyarakat Orang Asli suku Mah Meri pula merupakan kumpulan orang asli daripada sub golongan Senoi⁶. Mah Meri bermaksud orang hutan⁷. Kebanyakan daripada masyarakat ini mendiami pesisir pantai barat negeri Selangor seperti di Pulau Carey. Oleh yang demikian, kebanyakan daripada masyarakat Mah Meri bekerja sebagai nelayan. Seperti kata Colin (2003), Orang Asli mempunyai pekerjaan dan cara hidup yang sama. Colin menyenaraikan suku Orang Asli seperti Orang Laut, Orang Seletar dan Mah Meri adalah antara suku Orang Asli yang hidup berhampiran dengan pesisiran pantai dan kebanyakannya bekerja sebagai nelayan. Kumpulan masyarakat Orang Asli ini bercakap dalam bahasa Sisi⁸ ataupun Bersisi dan masih mengamalkan kepercayaan animisme iaitu kepercayaan dan penghormatan ke atas roh datuk nenek moyang mereka. Untuk itu, mereka mengadakan satu persembahan sambutan ritual setiap tahun yang dikenali sebagai Sambutan Hari Moyang.⁹

Orang Mah Meri secara asalnya dikatakan mendiami kawasan sekitar kampung Bukit Bangkong. Roland Werner (1974) mengatakan terdapat 15 perkampungan besar yang menjadi tempat kediaman suku Orang Asli Mah Meri. Antara yang disebut oleh Werner adalah Kampung Sungai Bumbun, Kampung Jugra, Kampung Bukit Mangkok dan Kampung Tanjung Sepat. Mengikut Werner (1974) lagi, daripada cerita orang Mah Meri masyarakat Mah Meri dikatakan berasal daripada bahagian selatan semenanjung dan pulau-pulau kejiranan. Menurut responden Werner di Pulau Carey mereka bersepakat mengatakan nenek moyang


⁶ Pembahagian sub golongan Orang Asli di Malaysia ditunjukkan dalam Lampiran A.

⁷ Mah=Orang, Meri=hutan

⁸ Bahasa bersisi merupakan bahasa tergolong dalam bahasa Mon-Khmer, iaitu bahasa yang dipertuturkan oleh sebahagian daripada masyarakat Indo-china seperti Kemboja.

⁹ Selepas ini disebut sebagai Ritual Hari Moyang.

mereka berasal daripada satu kawasan hutan dan sungai berdekatan dengan Endau iaitu satu kawasan antara Johor dan Pahang.



Peta 1.2 Kedudukan Pulau Carey di Daerah Kuala Langat sebagai kawasan petempatan suku kaum Orang Asli Mah Meri

(Sumber : <https://missjewelz.com/tag/pulau-carey/>)

Pelbagai cerita dongeng¹⁰ yang menceritakan bagaimana asal usul suku orang asli Mah Meri datang ke pantai barat semenanjung. Ada pendapat mengatakan mereka belayar dan melanggar pantang larang hingga kapal yang mereka gunakan telah bertukar menjadi beting pasir (Werner, 1974). Tidak terdapat juga sebarang pengetahuan yang merupakan maklumat daripada mana suku Mah Meri ini datang. Terdapat juga dikatakan mereka ini datang dari pulau-pulau di selatan Johor dan lari ke pantai barat Semenanjung Malaysia terutamanya di Selangor kerana lari daripada musuh. Dalam masyarakat Mah Meri, mereka mempercayai amalan animisme yang

¹⁰ Menurut seorang responden, (Tok Batin Dollah:2012), kedatangan orang Mah Meri ke pantai barat semenanjung Malaysia secara berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Tidak diketahui asal usul nenek moyang mereka kerana faktor kerap berpindah tersebut. Akhirnya kawasan pesisiran sungai dan muara laut seperti di Pulau Carey dan kawasan sekitarnya menjadi kawasan perpindahan terakhir mereka kerana menemui keselesaan apabila berada di kawasan tersebut. Pergerakan kehidupan juga turut menjadi mudah kerana dekat dengan kawasan masyarakat lokal untuk berurusan dalam kehidupan mereka.

sama dengan masyarakat Melanau tradisional. Dalam masyarakat Mah Meri terdapat juga satu ritual kesyukuran yang diamalkan seperti juga oleh masyarakat Melanau di Sarawak iaitu ritual Hari Moyang. Atas sebab kepercayaan animisme yang sama maka sebahagian besar daripada pelaksanaan dan ciri-ciri ritual mempunyai persamaan meskipun terdapat beberapa perbezaan ketara.

Hari Moyang Mah Meri dianggap masyarakat tersebut sebagai ritual tahunan wajib sebagaimana mereka percaya bahawa persembahan tersebut akan dapat menyangkal bencana terhadap mereka. Ritual ini juga turut membawa maksud untuk memohon perlindungan berterusan daripada roh nenek moyang untuk mendapatkan pasangan hidup yang baik dan sesuai, hasil tanaman yang melimpah, kesihatan yang baik dan kehidupan yang terselamat daripada bencana-bencana yang tidak diingini.

Dalam hal ini, mereka percaya roh nenek moyang yang dipuja atau diseru ketika persembahan akan melindungi mereka daripada kesakitan dan kesulitan. Seperti juga dalam persembahan sambutan Kaul Melanau yang mempunyai seorang “Bapak Kaul” untuk mengendalikan upacara ritual kepada Dewa, Hari Moyang Mah Meri juga mempunyai seorang “Poyang” atau dipanggil sebagai Tok Jenang yang bertindak sebagai pemimpin semangat bagi mengetuai upacara persembahan berkenaan. Selain itu, Poyang bertindak untuk mengawasi persiapan agar semuanya memenuhi syarat untuk mempersembahkan sesuatu kepada roh nenek moyang mereka.

Tidak seperti persembahan sambutan Kaul Melanau yang hampir terhakis amalannya dan diserap dengan unsur-unsur budaya popular masa kini kerana gelombang perubahan beragama dan perkembangan pemodenan fizikal, Hari Moyang masih diamalkan masyarakat Orang Asli Mah Meri sehingga kini dengan kaedah tradisional meskipun terdapat beberapa perkara di dalam persembahannya

berubah mengikut zaman. Hal ini lantaran kepercayaan animisme masih menebal dalam masyarakat tersebut. Meskipun tempias gelombang pemodenan turut menekan, namun masyarakat ini masih kekal dan tetap mempercayai dan mengamalkan sambutan ritual ini dengan cara yang serba tradisional. Walau bagaimanapun, dari transisi fizikal, sudah menampakkan unsur-unsur pemodenan baik dari sudut peralatan yang digunakan dalam sambutan dan juga aspek seni tari yang dipersembahkan ketika upacara berlangsung.

Transisi fizikal yang berubah sejajar dengan perkembangan zaman ini tidak sedikitpun mengubah bentuk tujuan ritual ini diadakan. Tujuan yang sama dan juga tuntutan keperluan mengadakan ritual Hari Moyang bagi masyarakat Mah Meri suatu ketetapan dan mesti dilakukan setiap tahun untuk mengelak daripada terkena tragedi dan bala bencana ke atas masyarakat itu. Oleh yang demikian, sejauh mana pemodenan mempengaruhi kehidupan lain dalam masyarakat Mah Meri, upacara seperti Ritual Hari Moyang ini tetap akan diadakan meskipun telah diberikan nafas baru dalam sesetengah keperluan dan bentuk persembahan selepas ritual diadakan.

1.2 ISU, PERMASALAHAN SERTA PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini sebenarnya muncul dengan penemuan tentang kedua-dua masyarakat Melanau dan Mah Meri. Melalui pembacaan luas dan tinjauan awal terhadap kedua-dua masyarakat tersebut sekitar tahun 2010, didapati bahawa wujudnya beberapa persamaan ritual di antara kedua-duanya. Hasil pembacaan juga didapati bahawa wujudnya jurang pengetahuan masyarakat setempat terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan budaya dan seni kedua-dua masyarakat Melanau dan Mah Meri terutama berkenaan dengan Ritual Kaul dan juga Ritual Hari Moyang.

Secara amnya, isu jurang pengetahuan terhadap nilai-nilai tradisional dalam kehidupan masyarakat orang asal di negara ini merupakan isu yang tidak banyak mendapat tempat dalam masyarakat lokal¹¹. Apatah lagi jika berkisar kepada kepercayaan dalam kehidupan mereka. Baik masyarakat Melanau atau Orang Asli Mah Meri, kedua-dua masyarakat peribumi ini merupakan peribumi yang jarang diperkatakan sama ada tentang adat, norma dan resam secara umum apatah lagi yang berkaitan dengan sambutan dan ritual kepercayaan tradisional. Sama ada di Semenanjung mahupun di Sarawak, sistem kepercayaan orang asal (asli) didasari dengan kepercayaan terhadap unsur kosmos, meskipun dengan cara dan kaedah yang tersendiri. Oleh yang demikian, kepercayaan terhadap nilai animisme dan kosmologi merupakan satu nilai yang sangat unik dalam kedua-dua masyarakat, meskipun kurang diketahui oleh kebanyakan masyarakat di negara ini.

Menyedari akan jurang pengetahuan yang luas di antara masyarakat pendokong¹² dan masyarakat lokal yang berada di keliling mereka, maka kajian ini ditulis untuk memberikan pendedahan dan tafsiran terhadap struktur ritual di antara Ritual Kaul masyarakat Melanau di Sarawak dan Ritual Hari Moyang Mah Meri di Pulau Carey, Selangor. Kajian ini menganalisis nilai yang wujud secara persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua masyarakat yang mendiami kawasan geografi yang agak jauh dan adat lain yang nampak berbeza. Meskipun jauh, namun secara holistik, kedua-dua masyarakat yang berada di dalam kategori peribumi ini dilihat memegang satu nilai kepercayaan yang sama. Ia merupakan kepercayaan berpegang kepada prinsip kuasa luar biasa serta kebergantungan menerusi pengamatan dan penggunaan

¹¹ Masyarakat bukan orang asal terdiri daripada masyarakat yang berada di dalam lingkungan masyarakat orang asal atau asli. Contohnya masyarakat Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi.

¹² Masyarakat orang asal, asli, peribumi

ilmu kosmos di sekeliling mereka¹³. Meskipun jarak geografinya jauh, namun masyarakat peribumi tersebut percaya dengan unsur kosmos yang menggerakkan kepercayaan dalam kehidupan mereka. Kepercayaan animisme memberikan jawapan yang sama kepada kedua-dua masyarakat berdasarkan pandangan dalam dunia kepercayaan. Oleh yang demikian, kedua-dua ritual bertitik tolak daripada konsep dualisme alam¹⁴. Kepercayaan terhadap unsur dualisme iaitu alam atas dan alam bawah merupakan satu kepercayaan terhadap alam yang mempunyai pembahagian nyata terhadap struktur dan juga status penghuninya. Ia adalah juga tentang perkara alam nyata dan alam ghaib. Dalam kajian ini, kepercayaan terhadap alam dualisme inilah yang menjadi titik tolak kepada ritual dan kepercayaan masyarakat Melanau dan Mah Meri. Hal ini kerana ia manifestasi kosmologi dalam kedua-dua masyarakat tersebut menjalankan ritual masing-masing.

Sehubungan dengan itu, maka permasalahan dalam kajian ini berkisar kepada apakah bentuk persamaan dan perbezaan nilai struktur dalam kedua-dua ritual masyarakat peribumi ini dari sudut kepercayaan dan manifestasi kosmologi bertitik tolak daripada kepercayaan alam dualisme. Persamaan dan perbezaan dianalisis sebagai satu manifestasi kepercayaan dalam kehidupan kedua-dua masyarakat peribumi ini. Permasalahan ini akan mendedahkan kepada masyarakat yang mempunyai jurang pengetahuan terhadap unsur dan nilai antara kedua masyarakat peribumi ini tentang ciri, struktur dan seni persembahan dalam ritual berkenaan.

Selain itu, ramai juga masyarakat di luar lingkungan pendokong budaya tidak mengetahui bahawa upacara keagamaan begini juga boleh dilihat sebagai suatu seni

¹³ Dalam Bab 2 akan diterangkan bagaimana teori kosmologi dengan kepercayaan dunia dualisme dalam kedua-dua masyarakat asli ini digunakan untuk melihat objektif kajian ini.

¹⁴ Sama seperti dalam kepercayaan Melayu asli

persembahan. Isu Jurang pengetahuan yang tinggi dari aspek ini terjadi kerana ramai beranggapan bahawa seni persembahan hanya berlaku di atas pentas prosenium ataupun mempunyai pelaku-pelaku yang memainkan watak secara objektif. Oleh yang demikian, selain menganalisis isu dari sudut kepercayaan dan kosmologi, kajian ini juga turut mengupas ciri-ciri persembahan dalam kedua-dua ritual keagamaan bagi mentaakul ia sebagai satu seni persembahan tradisional yang unik.

Sejajar dengan itulah, maka wujud persoalan bagaimana ritual kedua-dua masyarakat peribumi ini boleh mempunyai beberapa persamaan nilai atau struktur biarpun dihalangi oleh jarak geografi yang jauh serta bertutur dalam bahasa yang berbeza? Jika wujud perbezaan, apakah perbezaan yang terdapat di dalam ritual-ritual berkenaan. Melihat pula dari aspek kerangka struktur dan kaedah penyampaian, bolehkah pula ritual-ritual tersebut dikatakan sebagai suatu seni persembahan memandangkan ia mempunyai aspek dan ciri seperti nyanyian, tarian, mempunyai alat muzik serta mempunyai repertoir yang unik? Unsur atau ciri keunikan persembahan dikenal pasti berdasarkan kepada falsafah serta repertoir sambutan, koreografi tarian, lagu, muzik, kostum, props, solekan yang boleh dinilai sebagai suatu aspek persembahan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Mentafsir struktur ritual Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri.

1.4.2 Menganalisis nilai kepercayaan dan kosmologi dalam Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri.

1.4.3 Menaakul Ritual Kaul Melanau dan Hari Moyang Mah Meri sebagai satu seni persembahan.

1.4 JUSTIFIKASI, JURANG PENGETAHUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan dan difikirkan perlu untuk dibuat penyelidikan secara luas kerana belum ada kajian luas yang dilakukan terhadap kedua-dua ritual tersebut dari aspek struktural menyeluruh dan pentaakulan sebagai satu seni persembahan. Masyarakat Melanau merupakan masyarakat yang mendiami negeri Sarawak dan populasinya adalah sebagai etnik kelima terbesar di Sarawak¹⁵ selepas kedudukan etnik Bidayah. Walau bagaimanapun, adalah jarang sekali didengar tentang kajian yang menyentuh tentang budaya, kesenian dan tradisi mereka berbanding masyarakat yang lain di negeri Sarawak khasnya dan di Malaysia amnya. Sementara itu, bagi masyarakat suku orang asli Mah Meri golongan ini jarang diketahui sebagai satu golongan sub-etnik Orang Asal seperti etnik asli yang lain iaitu Temiar, Semai dan Semelai. Meskipun terdapatnya juga sedikit kajian dan penulisan tentang suku ini, namun jurang pengetahuan terhadap amalan dan kepercayaan mereka secara terperinci adalah sangat jarang diperkatakan. Apatah lagi apabila dibuat kajian perbandingan bersama dengan satu lagi jenis etnik peribumi yang mendiami kawasan yang berbeza dan mengamalkan resam yang berbeza dengan mereka tetapi mempunyai persamaan kepercayaan dan bentuk amalan kepercayaan itu.

Oleh yang demikian, rasionalnya penyelidikan ini dilakukan di peringkat kedoktoran kerana keperluan kepakaran tentang ritual sesuatu budaya masyarakat terutama kumpulan etnik yang unik di Malaysia. Hal ini kerana, kajian ini bukan sahaja menyingkap nilai perbandingan dan kepercayaan tradisi yang berlaku dalam masyarakat Melanau dan Mah Meri, bahkan penyelidikan ini juga akan menjadi

¹⁵ Kedudukan mengikut data banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 Jabatan Perangkaan Malaysia. Jumlah peratusannya adalah sebanyak 5 peratus daripada jumlah keseluruhan 2.4 juta populasi di negeri tersebut.

perintis sarjana menyelongkar keunikan dan kekuatan kedua-dua peribumi tersebut. Tajuk ini juga dipilih berdasarkan populariti Ritual Kaul¹⁶. Namun demikian, di sebalik kepopularan Ritual Kaul yang sudah menerima kesan pembangunan, ramai yang tidak mengetahui falsafah tradisi di sebalik ciri-ciri ritual tersebut terutama pada anak-anak generasi muda.

Sementara itu, keunikan penerusan kepercayaan oleh masyarakat Mah Meri tentang aspek amalan mereka itu juga dijadikan sebagai pilihan dalam menjalankan kajian ini meskipun sudah bergelumang dengan arus pemodenan yang bukan sedikit. Kajian ini juga difikirkan perlu berdasarkan pengetahuan masyarakat yang sangat sedikit tentang tradisi dan etnik Melanau dan Mah Meri di Malaysia amnya. Melalui sorotan kajian terdahulu, hanya sedikit sahaja penyelidikan yang ditemui berkenaan kajian etnik ini¹⁷. Walau bagaimanapun, ia adalah kajian tentang kepercayaan animisme secara umum dan bukan terhadap Pesta Kaul secara spesifik. Begitu juga dengan masyarakat Orang Asli Mah Meri, biarpun terdapat penulisan terdahulu tentang masyarakat Mah Meri, namun perincian tentang sambutan persembahan Hari Moyang belum ditemui.

Kajian yang bakal dilakukan ini juga akan memberi impak dari sudut pandang pelestarian atau konservasi budaya material tradisi masyarakat tersebut agar ia terus kekal terpelihara, diketahui umum dan menjadi satu daya tarikan pelancongan sama ada pelancong dari Malaysia atau luar negara kita. Oleh yang demikian, justifikasi tajuk dan kajian ini dipilih di peringkat kedoktoran kerana difikirkan perlu sebagai bahan dokumen rujukan masa depan terhadap budaya

¹⁶ Sekarang ini disebut Pesta Kaul dalam kalangan anggota masyarakatnya dan penduduk tempatan (di Sarawak)

¹⁷ Disertasi oleh Mohd Maulana bin Magiman (UM: 2006)

material tradisi etnik dan suku kaum yang sememangnya unik di Malaysia. Menghasilkan rujukan tentang budaya dan warisan nasional bukanlah suatu yang mudah apatah lagi dalam dunia siber hari ini. Ketabahan dan kesungguhan untuk mendokumentasikan kajian ini bagi menambah koleksi bahan rujukan adalah suatu keperluan negara untuk menyimpan pengetahuan seperti ini bagi generasi masa hadapan.

Selain itu, kajian ini mesti dilakukan di peringkat ilmiah bagi mencapai tujuan kerajaan untuk memudahkan serta memahami budaya warisan kepelbagaian etnik di negara kita. Ia bertepatan dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh *International Council on Monument and Site (ICOMOS) di bawah United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*. (Yuszaidy et.al., 2011) . Selain itu ia adalah selari juga dengan kehendak polisi kerajaan untuk melestarikan budaya dan warisan nasional daripada kepelbagaian etnik di negara ini. Hal ini kerana, kelestarian sesuatu bangsa adalah bersangkutan dengan kapasiti atau keupayaan untuk menjadikan bangsa tersebut kekal dengan jati diri dan nilai tanda bagi bangsa masing-masing. Sejajar dengan itulah, maka kajian ini penting untuk diperkenalkan untuk generasi akan datang bagi melestarikan budaya bangsa. Kelestarian ini mesti didokumenkan tanpa menjejaskan potensi pengguna asalnya meskipun nilai tambah komersil sudah wujud dalam kedua-dua ritual yang dikaji.

Hal ini bermakna kajian ini sebenarnya adalah untuk mengekalkan maklumat atau pengetahuan berharga daripada etnik yang jarang ditelusuri oleh masyarakat lainnya terutama perkara yang berkaitan dengan nilai kepercayaan dan kosmologi (alam semesta mereka) sesuatu bangsa. Ia berhubungan untuk mewujudkan nilai menghormati dan berbangga dengan kepelbagaian agama, kepercayaan serta budaya masyarakat di negara ini. Selain itu, kelestarian ini dirujuk mengikut pernyataan yang

digariskan oleh *World Commission On Environment and Development for the United Nations General Assembly in 1967* (Vermont Folklife Center, 2016) Kelestarian ini penting kerana ia bersangkutan dengan warisan penting untuk pembangunan sesebuah tamadun bangsa.

Di samping itu, justifikasi kajian ini dilakukan di peringkat kedoktoran adalah sebahagiannya untuk menyahut seruan kerajaan dalam usaha untuk mengembalikan kesenian dan budaya bangsa tradisional sebagai sesuatu yang wajar dipelajari, diketahui serta dilestarikan oleh generasi terkini. Melalui petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, dalam teks ucapan pembentangan RMK11 2016-2020 beliau menjelaskan peri pentingnya pemuliharaan dan pelestarian seni dan budaya dan mengaitkan perkembangannya dengan kemajuan sesuatu bangsa dan tamadun.

Selain itu, dalam Bab 23, Buku RMK9 berkaitan dengan memperkayakan kebudayaan, kesenian dan warisan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang lengkap dan seimbang serta unggul dan prihatin terhadap seni, turut menjadi kayu ukur peri pentingnya kajian ini dilakukan secara tuntas di peringkat yang ilmiah. Seajar dengan usaha untuk memperkenalkan kembali, melestari serta membekalkan pengetahuan tentang seni, budaya dan warisan dengan mendokumentasikan sama ada dalam bentuk bertulis atau visual akan melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun, beretika dan bermoral seajar dengan falsafah yang terkandung dalam hasil seni budaya yang dikekalkan tersebut. Ia bertepatan dengan kehendak dunia mutakhir yang mahukan keseimbangan generasi akhir ini dari sudut sains dan teknologi serta pengamatan budaya akar bangsa yang seharusnya menjadi jati diri masing-masing.

Hal ini penting dikaji di peringkat yang lebih serius dan ilmiah agar pengetahuan tentang etnik budaya yang pelbagai di Malaysia dapat berkesinambungan dan dipelajari serta dihayati demi kelangsungan sesuatu akar bangsa. Dengan kajian tuntas ini, ia boleh didokumentasikan dengan sangat banyak sebagai bahan rujukan utama di peringkat kepelbagaian institusi pendidikan sama ada dari peringkat sekolah, kolej, institut, universiti mahupun untuk bacaan khalayak umum bagi meningkatkan pengetahuan terhadap seni budaya etnik yang ada di Malaysia. Dokumentasi bukan sahaja boleh berbentuk bahan bacaan malah juga boleh dirakamkan dalam bentuk visual dengan meletakkan maklumat dalam penulisan ini dalam bentuk cakera padat, pengetahuan secara atas talian¹⁸, pengajaran dan pembelajaran secara gamifikasi serta banyak lagi kaedah moden untuk melestarikan warisan seni dan budaya. Pendek kata, seni budaya dan warisan perlu hidup subur dan malar hijau dalam konteks pemeliharaan dan pemuliharaan dalam dunia generasi kontemporari ini.

Dalam penemuan isi kandungan kajian pula, kajian ini dapat mengetengahkan satu bentuk ilmu *cross-subject* yang baharu sebagai satu idea untuk melihat organisasi nilai budaya dibentuk dan dikaji. Dari sudut sosio organisasi hal ini boleh dilihat melalui penstrukturalan ritual pada Ritual Kaul Melanau dan Mari Moyang Mah Meri. Kedua-dua sambutan ritual ini dilihat sebagai satu pembinaan organisasi dalam masyarakat yang memerlukan penelitian yang terperinci untuk menjayakan sesuatu perkara. Kandungan kajian ini boleh memberikan satu pendekatan baharu

¹⁸ Hari ini, pembelajaran atas talian sangat banyak digunakan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi pendidikan, contohnya melalui *Massive Open Online Courses* (MOOC), pembelajaran berasaskan *Flip Classroom*, Gamifikasi dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, ia perlu kajian dan penyelidikan yang mencantumkan pengetahuan teknologi dan seni budaya yang lebih mendalam sebagai usaha melestarikan dan memulihara agar tidak terus pupus dalam dunia moden hari ini.

yang melihat persilangan budaya dan ilmu melalui kaedah trans-teoritik¹⁹ untuk melihat aspek-aspek yang lain dalam bidang antropologi dan juga sosio organisasi berdasarkan teori-teori yang bukan dari bidang yang melihat kepada falsafah nilai dalam sesuatu budaya dan hubungkaitnya dengan perilaku manusia. Ia tidak terbatas kepada penggunaan teori-teori antropologi budaya sahaja tetapi mengaitkannya dengan bidang yang berbeza. Dalam kes kajian ini, bidang antropologi budaya akan bersilang dengan bidang sosio-organisasi yang melihat perilaku manusia dalam pembentukan budaya kerana teori yang dilihat untuk menganalisis kajian ini adalah Teori Orientasi Nilai Kluchkhon & Stroedtbach (K&S) yang melihat 5 dimensi dalam kelompok masyarakat untuk menilai masyarakat berkenaan dan organisasi yang hendak dibentuk dari sudut perilaku manusia dan kehendak manusia. Kelima-lima dimensi tersebut akan dilihat peranannya dari sudut berfungsi atau tidak dalam masyarakat.

Silang subjek ini secara langsung dapat melihat berlakunya perkaitan di antara bidang antropologi, sosio-organisasi dan kepentingannya mengatur sesebuah organisasi untuk menilai perkaitan budaya dengan tingkah laku manusia²⁰. Selain itu, adalah diharapkan juga agar kajian ini akan menggalakkan lebih banyak pemerksaan budaya rakyat atau persembahan budaya tradisi agar lebih dikenali oleh generasi muda. Kajian ini diharap juga menjadi perintis kepada kajian-kajian tentang ritual masyarakat peribumi yang lain agar ia dapat dikekalkan dalam bentuk ilmiah dan menjadi tatapan umum.

¹⁹ Pengenalan kepada konsep yang diletakkan pengkaji dalam menerangkan maksud silang subjek atau silang ilmu dalam penemuan kandungan kajian. Dalam kajian ini dipanggil trans-teoritik.

²⁰ Ia dijelaskan lagi dalam Bab 2 secara penerangan teori dan Bab 5 secara analisis data kajian

Kajian ini juga boleh membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji luar untuk datang ke sini dan mengkaji budaya dan warisan nasional penduduk peribumi di negara kita serta menjadikan kajian ini antara bahan rujukan utama atau boleh diperluaskan lagi. Kerjasama dalam kajian seperti ini turut penting untuk signifikasi yang sama, iaitu untuk pelestarian budaya dan warisan nasional, sama ada di peringkat nasional atau di peringkat global. Dengan adanya penaakulan dan pembuktian ritual ini sebagai seni persembahan kajian ini mungkin juga boleh menjadi perintis kepada pengkaji-pengkaji seni yang lain untuk mengkaji lebih lanjut perihal pola lantai, gerak tari dan menjadikan ciri seni persembahan dalam kedua-dua ritual ini lebih unik dan tersendiri.

Daripada ketiga-tiga objektif tersebut, adalah diharap suatu pengetahuan baharu akan muncul terutama melalui analisis nilai tentang struktur ritual kedua-dua masyarakat peribumi ini. Pengetahuan baharu seperti yang dapat dilihat berdasarkan kepada perkara yang berlaku dalam masyarakat Orang Asal diharap dapat ditemui dengan lebih lanjut dan diselidiki dari pelbagai sudut meskipun mempunyai jarak geografi yang jauh dan bertutur dalam bahasa yang berbeza.

Kajian ini diharap akan dapat menambah pendokumentasian tentang budaya tradisi suku kaum etnik di Sarawak khususnya peribumi Melanau serta suku Orang Asli Senoi iaitu Mah Meri. Pendokumentasian ini sangat penting bagi memberi kesinambungan pengetahuan tentang budaya tradisi ini dalam zaman yang serba moden sekarang di samping dapat mencambahkan ilmu baharu silang subjek kepada pengkaji-pengkaji lain selepas ini terutamanya daripada bidang antropologi budaya agar bidang ini terus mendapat tempat dalam kajian-kajian seni budaya tempatan mahupun antarabangsa.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dilakukan di dua tempat iaitu di Mukah Sarawak, untuk data orang Melanau dan di Pulau Carey, Kuala Langat Selangor untuk masyarakat Orang Asli Mah Meri. Mukah merupakan daerah yang dikenali sebagai penempatan etnik Melanau yang luas dan besar. Selain itu, skop kajian juga hanya memilih satu sahaja budaya tradisi masyarakat Melanau iaitu Ritual Kaul kerana ia akan memudahkan kajian ini menjawab persoalan dan objektif kajian. Ia juga dapat mengelakkan kajian tersasar daripada permasalahan yang diwujudkan. Hal ini kerana masyarakat Melanau mempunyai banyak aspek budaya tradisional yang lain. Di samping itu, Pesta Kaul merupakan ritual tradisional Melanau yang popular dalam kalangan masyarakat tersebut mahupun dalam kalangan masyarakat luar daripada Mukah.

Sementara itu, untuk kajian Mah Meri pula, skop kajian akan melihat sambutan persembahan Hari Moyang di Kg. Bumbun dan Kg. Sg. Rambai Pulau Carey, Kuala Langat Selangor sahaja. Ritual Hari Moyang di Kg. Sg. Judah dijadikan sebagai rujukan data tambahan dan data diambil daripada informasi video cakera padat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Seperti juga dengan kajian suku kaum Melanau, skop kajian hanya dipendekkan kepada sambutan ritual Hari Moyang meskipun terdapat lagi kepelbagaian seni budaya dalam masyarakat orang asli berkenaan. Tujuannya adalah sama dengan pengecilan skop di Mukah Sarawak untuk kajian orang Melanau. Selain itu, pengecilan skop juga adalah untuk memudahkan pengkajian analisis seperti yang dikehendaki dalam objektif kajian ini. Selain itu juga, Pulau Carey dipilih kerana di situ merupakan penempatan yang popular bagi masyarakat suku Orang Asli Mah Meri.

Dalam mencapai objektif yang dikehendaki, skop kajian juga menggunakan kata kunci kosmos dan kosmologi sebagai pemboleh ubah bagi menentukan tujuan

kajian. Kosmologi merupakan kajian tentang alam semesta dan skop kajian ini akan menghuraikan konsep kosmos dan kosmologi, serta menjelaskan perkaitannya dengan tajuk serta objektif kajian. Kosmos dipilih sebagai skop kajian kerana ia merupakan satu perkara yang menjelaskan kelompangan dalam permasalahan isu. Dengan kata lain, unsur kosmos akan digunakan untuk menjawab objektif bagi mengecilkan skop kajian. Ia bertujuan untuk memudahkan penulisan kajian ini nanti.

Hal yang sama juga menggunakan pemboleh ubah kepercayaan sebagai skop kajian ini. Aspek kajian kepercayaan menjadi skop yang membantu untuk melihat aspek pemboleh ubah kosmologi dan melihat hubung kait antara keduanya dalam kajian ini. Begitu juga dengan penggunaan teori yang digunakan. Terdapat beberapa teori yang digunakan dalam kajian ini seperti teori Kluckhohn dan Strodtbeck, teori kosmologi oleh Syed Hossien Nasr, teori persembahan Victor Turner dan Richard Schechner. Kesemua teori ini akan menjadi sandaran untuk menyokong pembuktian data yang diambil daripada lapangan. Teori ini juga menjadikan kajian ini melalui pengecilan skop apabila ia diambil hanya berdasarkan data dan sokongan yang paling tepat untuk menjelaskan hipotesis. Teori-teori ini akan menyokong dua skop utama kajian ini iaitu tentang kepercayaan dan kosmologi kedua-dua masyarakat peribumi ini dan juga aspek persembahan yang diketengahkan dalam kajian ini.

Pemboleh ubah terakhir yang menjadi keutamaan skop kajian ini adalah aspek persembahan. Aspek persembahan juga akan menegakkan ritual ditaakul sebagai suatu seni persembahan. Ia akan dijawab berasaskan struktur, bentuk dan ciri-ciri seni persembahan mengikut tafsiran Turner dan Schechner yang boleh diterima sebagai suatu seni persembahan. Kedua-dua ciri persembahan berkenaan mempunyai perkaitan dengan ciri sesuatu pertunjukkan yang boleh dikatakan sebagai

suatu seni persembahan. Ia termasuklah tujuan ritual²¹, ciri pelaku²² dan persembahan, alat muzik²³, solekan²⁴, serta nyanyian.

1.6 SOROTAN LITERATUR

Kajian ini adalah hasil tinjauan rintis terhadap pemerhatian buat pertama kali secara dekat Pesta Kaul pada tahun 2010 di Mukah, Sarawak. Hasil daripada pemerhatian secara tidak langsung itu, didapati ada banyak perkara tradisional tidak diketahui oleh golongan muda dan baharu lantaran konsep dan fungsi ritual berkenaan sudah berubah, menjadi moden dan berbeza dengan penambahan aktiviti-aktiviti yang juga baharu. Ia terutama untuk menarik minat pelancong asing untuk sampai ke negeri Sarawak terutama ketika pesta tersebut berjalan dan diadakan²⁵. Antara sebahagian daripada bahan sekunder yang membantu kajian ini adalah hanya bahan-bahan dokumentasi yang betul-betul berkaitan dimasukkan dalam sorotan literatur ini.

Penggunaan bahan-bahan yang menduduki tahun lebih sepuluh tahun kebelakangan terutamanya yang berkaitan dengan konseptual dan teoritikal falsafah

²¹ Tujuan ritual boleh dianggap sebagai repertoire dalam menegaskan dan menaakul kedua-dua ritual ini sebagai satu seni persembahan.

²² Termasuklah penari, pelakon, serta watak-watak penting dalam ritual seperti Bapak Kaul (Melanau) dan Tok Jenang (Poyang dalam masyarakat Mah Meri)

²³ Termasuklah penyanyi, pemuzik dan lagu

²⁴ Termasuklah props dan kostum

²⁵ Dewasa ini, pendedahan Ritual Kaul tidak berlaku dan diambil kira oleh golongan muda. Tidak banyak proses-proses dan falsafah secara tradisional diambil kira kerana golongan muda sudah terdedah dengan sambutan yang sudah moden dan baharu dengan menamakan ia sebagai Pesta Kaul. Ia ditambah lagi dengan meletakkan pesta tersebut dalam kalendar pelancongan negeri Sarawak hanya bagi menarik perhatian pelancong asing untuk sampai ke Mukah Sarawak. Sebahagian daripada keunikan masyarakat Melanau sendiri banyak ditonjolkan dalam pesta berkenaan dalam bentuk pertandingan, pertunjukkan biasa yang sudah melepasi had-had ketradisionalan ritual ini disambut. Sebagai misalan, terdapat pertunjukkan rancak tarian Melanau dan tradisi Sarawak, pertandingan ratu cantik Melanau, pertandingan gubahan bunga dan kraftangan Melanau, pertandingan lagu-lagu P.Ramlee dan Saloma dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur baharu dalam sambutan Pesta Kaul.

agama dan budaya adalah disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini secara tuntas pada tahun-tahun mutakhir. Walau bagaimanapun, ia bukanlah tidak terdapat langsung penulisan berkaitan dengan kajian, namun tulisan berkenaan cuma menjadi dokumen sokongan kepada dokumen sekunder yang utama. Selain itu, disebabkan ini adalah kajian tentang suatu antropologi budaya dan kepercayaan, secara teoritikalnya dikaitkan dengan tulisan yang terdahulu yang begitu banyak dan berpengaruh. Penulisan tersebut ditulis oleh ahli antropologi barat dan tempatan terkenal dari bidang kepercayaan beragama dan kaitannya dengan budaya masyarakat berkenaan. Justeru, kajian ini kelihatan agak kerap merujuk atau menggunakan idea, dengan bahan-bahan atau tulisan lama sedia ada.

1.6.1 Masyarakat Melanau dan Perayaan Kaul

Bacaan lain adalah buku khas tentang Kaul Suatu Interpretasi Sosiobudaya²⁶ yang diterbitkan oleh penulis Sarawak seperti Jeniri Amir dan Awang Azman (2001) dijadikan sebagai rujukan dalam penulisan kajian ini. Buku ini menulis tentang perincian asal usul masyarakat Melanau, sambutan ritual Kaul secara tradisional, iaitu dari asal-usul hinggalah kepada pantang larang serta melihat ritual ini dari sudut sosio-budaya masyarakat Melanau. Pendek kata, buku ini mengetengahkan pengetahuan asas tentang asal-usul, dunia pandangan, Kaul tradisional hinggalah Kaul dalam dunia kontemporari. Meskipun buku ini tidaklah lengkap dan menyeluruh namun ia sangat membantu dalam analisis kajian ini. Selain itu, satu lagi buku yang digunakan dalam kajian ini ialah Masyarakat Melanau di Sarawak ditulis oleh Jeniri Amir²⁷ (2015) iaitu yang mengetengahkan sejarah asal usul masyarakat

²⁶ Buku ini menceritakan rinci ritual secara tradisional

²⁷ Buku ini ditulis secara solo oleh Jeniri Amir dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan Bahasa Melayu Kuala Lumpur untuk tahun 2015

Melanau hinggalah kepada perubahan hidup orang Melanau di Sarawak. Aspek kosmologi dan kepercayaan masyarakat Melanau turut dijelaskan. Oleh yang demikian, kedua-dua buku ini sangat membantu kajian ini dari awal sehinggalah ke bahagian akhir penulisan.

Bahan bacaan untuk Sambutan Kaul adalah sangat terhad bentuknya. Kedapatan bahan bacaan tentang Kaul diperoleh melalui beberapa artikel Bab Buku seperti yang ditulis oleh Hang Tuah Merawin melalui Buku Sejarah, Budaya dan Realiti Baru Kaum Melanau (1998). Melalui rencananya bertajuk Pandangan Dunia Melanau Tradisional kajian ini membantu untuk menjelaskan pandangan dunia tradisional yang dijalankan oleh masyarakat Melanau suatu ketika dahulu. Ia dapat dikaitkan dengan penggunaan asas kosmologi dalam kajian ini apabila menerangkan pandangan dunia serta beberapa lapisan alam semesta mengikut pandangan masyarakat Melanau secara tradisional.

Selain itu, buku Morris (1991) *The Oya Melanau* dan juga tulisan beliau dalam Jurnal Muzium Negeri Sarawak (1997) berjudul *The Oya Melanau: Traditional Ritual and Belief : With Catalogue of Belum Carvings* turut banyak membantu dalam kajian ini. Dalam Morris (1991) beliau banyak menerangkan asal usul dan juga pendapat tentang sifat dan juga pekerjaan masyarakat Melanau terutamanya di bahagian Oya, kira-kira 27 kilometer dari Mukah. Ia membantu bahagian permulaan kajian dan menelusuri bahagian umum tentang masyarakat Melanau dari pelbagai sudut dan aspek. Sementara itu, tulisan beliau dalam Jurnal Muzium Negeri Sarawak (1997) pula lebih membantu dalam memahami kepercayaan dan ritual tradisional masyarakat Melanau. Meskipun dalam tulisan artikel jurnal ini Morris menegaskan kepercayaan terhadap penggunaan ukiran patung *Belum* untuk kepercayaan dari segi perubatan, namun Morris juga telah

menjelaskan dan memperincikan kepercayaan tradisional masyarakat Melanau dari aspek pembahagian lapisan alam yang menjadi pegangan mereka terdahulu di awal tulisannya. Oleh yang demikian, tulisan Morris ini amat membantu dalam kajian ini bagi menerangkan dan membincangkan kepercayaan lapisan alam dan alam dualisme yang menjadi pegangan masyarakat Melanau secara tradisional selain daripada mendapat data daripada temu bual bersama dengan responden secara terus menerus.

Ada banyak lagi yang digunakan untuk merujuk tentang kajian orang Melanau, budaya dan kepercayaan, namun ia bukanlah kumpulan tulisan utama sebagai sebuah buku panjang namun ditulis dalam bentuk artikel pendek dan juga rencana dalam prosiding kertas kerja seminar. Tulisan berbentuk kajian ilmiah juga ada, namun yang benar-benar membantu hanyalah tulisan daripada Mohamad Maulana Magiman daripada Universiti Malaya bertajuk Konsep Animisme Dalam Kehidupan Masyarakat Melanau Sarawak : Kajian Perubahan (2006) kerana kajian ini menerangkan kepercayaan animisme yang dipegang oleh masyarakat Melanau dan serta perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat tersebut dari sudut kepercayaan. Kajian ini membantu untuk memahami dengan lebih lanjut malah membandingkan konsep animisme yang ditulis oleh beliau dalam kajiannya.

Meskipun kesukaran mendapatkan kajian mutakhir dengan masyarakat ini yang berkaitan dengan aspek kepercayaan dan kosmologi, namun ia dibantu dengan data-data primer yang didapati daripada hasil temubual dalam kajian lapangan. Ada beberapa lagi kajian yang membantu namun ia bukanlah kajian yang memberikan dampak besar dalam kajian ini kerana ia menyumbangkan idea dan data yang disokong oleh kajian-kajian lain dalam sesebuah tulisan atau kajian literatur.

1.6.2 Masyarakat Orang Asli Mah Meri dan Ritual Hari Moyang

Selain itu, bacaan tentang Ritual Hari Moyang Mah Meri melalui buku yang ditulis oleh Roland Werner *Mah Meri of Malaysia Art & Culture* (1987) memberikan idea keseluruhan tentang kajian ini. Hal ini kerana didapati Ritual Hari Moyang Mah Meri mempunyai beberapa perbezaan dan persamaan dengan Ritual Kaul yang disambut oleh suku kaum Melanau di Sarawak. Melalui pembacaan buku ini, kajian ini mengambil kira beberapa ciri dan struktur yang digariskan dalam buku ini dengan ciri sambutan yang sebenar. Buku ini menjelaskan juga beberapa perkara asas tentang susunan moyang dan juga gelaran-gelaran moyang dalam masyarakat orang Asli Mah Meri. Selain itu, ia juga menjelaskan perkara asas tentang masyarakat orang Asli, kedudukan dan jenis masyarakat orang Asli. Buku ini secara amnya merupakan rujukan besar dalam kajian ini kerana maklumat tentang suku Mah Meri bukan sahaja diterangkan secara bertulis tetapi juga secara visual dengan pemaparan gambar-gambar kajian daripada Werner sendiri.

Di samping itu, *Spirit Carvings of The Mah Meri of Malaysia* (2016) yang ditulis oleh Peter Crowe merupakan satu-satunya rujukan terkini tentang masyarakat Mah Meri dalam kajian ini. Buku tulisan Crowe ini bukan sahaja memberikan penjelasan tentang seni ukir topeng masyarakat Mah Meri namun ia juga menerangkan beberapa daripada aspek kehidupan, adat, kepercayaan, kosmologi dan juga tentang semangat moyang Mah Meri. Ia benar-benar penting sebagai rujukan terkini untuk membandingkan informasi yang terdapat dalam tulisan Werner (1987) itu tadi. Oleh yang demikian, dan kerana ia lengkap bersekali dengan penerangan asas dunia kepercayaan dan kosmologi serta lapisan alam seperti dipercayai oleh masyarakat Mah Meri maka, buku ini juga telah dijadikan sebagai rujukan utama kerana tahun penerbitannya yang dikira agak mutakhir dalam kajian ini. Hal ini boleh